

Newspaper	Berita Harian
Date	2 October 2015



Najib mengadakan pertemuan dengan wakil pengurus dana AS pada satu majlis anjuran Invest Malaysia 2015, yang turut disertai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar di New York, semalam. (FOTO BERNAMA)

BH - 2/10/2015

'Usah risau situasi semasa di Malaysia'

» Pelabur AS diberi jaminan ekonomi, politik negara stabil

Kadir Dikoh

kadiro@bh.com.my

New York



Datuk Seri Nsuib Razak memberi jaminan kepada pelabur Amerika Syarikat (AS) supaya jangan risau dengan 'kebisingan' mengenai ekonomi dan situasi politik semasa di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, politik di Malaysia adalah stabil dan keregaan membenarkan pendapat berbeza kerana

ia amalan demokrasi yang matang selagi tidak mengancam perpaduan kaum dan etnik yang pelbagai.

Beliau berkata, ekonomi negara juga baik dan penilaian serta penaratan badan dunia seperti Fitch, Standard & Poor, amat memberangsangkan dan berada pada laluan betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Itu semua sesuatu yang baik untuk kami ... cuma perkara yang tidak baik ialah 'tahap bising' agak tinggi. Sebagai peniaga, saya berharap anda faham dan melihat kepada asas ekonomi kukuh sebenar... pisahkan daripada (isu) 'tahap bising'.

Masa depan cerah "Lihat Malaysia dengan cara yang lebih rasional dan anda akan mendapati ia tempat

menarik untuk melabur dan menjadi rakan kongsi kerana masa depan Malaysia terus kelihatan cerah," katanya dalam pertemuan sarapan pagi dan jamuan tengah hari bersama wakil beberapa pengurus dana AS anjuran Invest Malaysia 2015, di sebuah hotel, di sini.

Najib yang mengetuai delegasi Malaysia ke sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), turut mengadakan dialog dan sekurang-kurangnya 15 soalan diajukan.

Antaranya mengenai kejatuhan nilai ringgit, program rasionalisasi IMDB, hubungan antara kaum, dasar mengenai Bumiputera, impak keadaan ekonomi global terhadap pembangunan Malaysia, hasrat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan peranan China di Asia Tenggara

serta perbalahan di Laut China Selatan.

Beliau juga berkata kerajaan mempunyai mandat lima tahun untuk mementah dan apabila tiba masanya akan kembali kepada rakyat dan biar rakyat yang menentukan menerusi proses demokrasi.

Selesai isu IMDB

Mengenai IMDB, Najib menjelaskan ia akan diselesaikan menjelang akhir tahun ini seperti dijanjikan dan memberitahu bahawa IMDB dijangka mengurangkan hutangnya sebanyak RM16 bilion tidak lama lagi.

Malah, katanya, Malaysia tidak bercadang mengenakan sebarang kawalan modal atau menambat ringgit di sebalik tekanan ekonomi global.

Najib juga menjelaskan dasar mengenai Bumiputera adalah untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi.

Katanya, projek prasarana utama seperti Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT), Lebuhraya Pan Borneo, projek kereta api berkelajuan tinggi (HSR) Malaysia-Singapura dan Kompleks Bersepadu Pengerang milik PETRONAS tetap diteruskan, seperti dirancang.